



**PROGRAM KESIHATAN AWAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

BUKU LOG

LATIHAN PRA KEPAKARAN (PERUBATAN KESIHATAN AWAM)

AKTIVITI MENTOR-MENTEE

Disediakan oleh:

Ahli Jawatankuasa

***LATIHAN PRA KEPAKARAN PERUBATAN KESIHATAN AWAM
&
JAWATANKUASA KEPAKARAN PERUBATAN KESIHATAN AWAM***

EDISI 3

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERUTUSAN KETUA PERKHIDMATAN PERUBATAN KESIHATAN AWAM	3
1. PENGENALAN	4
1.1. TUJUAN BUKU LOG	4
1.2. BIMBINGAN MENTOR-MENTEE	5
2. DATA PERIBADI PEGAWAI YANG DIBIMBING (MENTEE)	6
3. ARAHAN KEPADA PEGAWAI YANG DIBIMBING (MENTEE)	7
4. DATA PERIBADI PEGAWAI PEMBIMBING (MENTOR)	7
5. ARAHAN KEPADA PEGAWAI PEMBIMBING (MENTOR)	8
6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYELARAS PROGRAM LATIHAN PRA KEPAKARAN PERUBATAN KESIHATAN AWAM (PERINGKAT NEGERI)	9
7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYELARAS PROGRAM LATIHAN PRA KEPAKARAN PERUBATAN KESIHATAN AWAM (PERINGKAT IBU PEJABAT)	9
8. PEMARKAHAN	10
9. KRITERIA 'EXIT' DARI PROGRAM	10
10. PENILAIAN MENGIKUT MODUL	
MODUL 1: PENGURUSAN KESIHATAN AWAM	11 – 13
MODUL 2: PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA	14– 17
MODUL 3: EPIDEMIOLOGI PENYAKIT BERJANGKIT	18 – 20
MODUL 4: SURVELAN PENYAKIT DAN BILIK GERAKAN	21 – 23
MODUL 5: EPIDEMIOLOGI KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT	24 – 25
MODUL 6: KESIHATAN PERSEKITARAN	26 – 27
MODUL 7: KESIHATAN PEKERJAAN	28 – 29
11. PEMARKAHAN KESELURUHAN	30
12. PERAKUAN AKHIR PEGAWAI PEMBIMBING (MENTOR)	31
PEGAWAI RUJUKAN & PENHARGAAN	32 – 33
LAMPIRAN PEMANTAUAN	34 – 35

PERUTUSAN KETUA PERKHIDMATAN PERUBATAN KESIHATAN AWAM



Saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam amnya dan Jawatankuasa Pembangunan Buku Log bagi Latihan Prakepakaran Perubatan Kesihatan Awam khususnya di atas kejayaan membangunkan buku log yang akan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan kecermerlangan disiplin perubatan kesihatan awam di masa akan datang. Saya maklum penghasilan buku log seperti ini memerlukan komitmen semua pihak untuk memastikan objektif penghasilan buku ini tercapai.

Buku log ini merupakan buku asas pemantauan latihan bagi latihan prakepakaran yang akan digunakan sepenuhnya untuk memastikan pegawai-pegawai yang akan memasuki Program Latihan Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam cukup bersedia dari aspek pengetahuan dan faham berkenaan bidang Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam. Ia penting untuk memastikan pelatih yang dipilih untuk latihan kepakaran perubatan kesihatan awam berkualiti seterusnya meningkatkan kadar kelulusan di dalam program ini.

Bagi memastikan implementasi program mentor mentee ini berjalan lancar dan mencapai matlamatnya, program ini akan dipantau secara sistematik. Mentor dan mentee serta pencapaian mereka akan direkodkan oleh Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam. Saya berharap program mentor mentee ini menjadi satu program yang berjaya serta mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Bagi tujuan tersebut, saya menyeru semua pihak terlibat iaitu Pakar Perubatan Kesihatan Awam di seluruh Malaysia untuk bersama menggembelng tenaga di dalam melaksanakan program ini untuk mencapai matlamat melahirkan Pakar Perubatan Kesihatan Awam yang cermerlang.

Sekian, terima kasih.

(DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Ketua Perkhidmatan Perubatan Kesihatan Awam



**PROGRAM BIMBINGAN BAKAL CALON
PAKAR PERUBATAN KESIHATAN AWAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

GAMBAR

UKURAN

PASPORT

1. PENGENALAN

1.1. TUJUAN BUKU LOG

- 1.1.1. Buku log latihan prakepakaran merupakan satu dokumen utama pra syarat kemasukan ke Program Latihan Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam atau pasca ijazah MPH/DrPH (1+3). Buku log ini adalah sebahagian daripada inisiatif melalui pendekatan bimbingan “**Mentor-Mentee**” yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.
- 1.1.2. Buku log ini merekodkan kesemua pengalaman akademik, praktikal dan kemahiran yang diperolehi oleh Pegawai Perubatan semasa menjalani penempatan dalam Program Kesihatan Awam. Ianya akan membantu Pegawai Yang Dibimbing (Mentee) mempunyai **kefahaman asas** sebelum melanjutkan pelajaran pasca ijazah MPH/DrPH (1+3).
- 1.1.3. Maklumat dalam buku ini akan dijadikan asas kepada jawatankuasa penilai untuk mempertimbangkan pegawai bagi mengikuti program MPH/DrPH *tertakluk kepada keputusan peperiksaan kemasukan* (Entrance Exam) ke program tersebut.
- 1.1.4. Pegawai-pegawai yang mengikuti program latihan pra kepakaran diberi keutamaan untuk ditempatkan di Fasilitas Kesihatan dalam satu tempoh sesuai untuk mendapatkan pengalaman dan memenuhi keperluan buku log ini.
- 1.1.5. Buku log ini perlu **diperolehi secara berdaftar** daripada Urusetia Penyelaras Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam.
- 1.1.6. Buku log ini perlu dilengkapkan sebelum menduduki peperiksaan kemasukan Program MPH/DrPH.
- 1.1.7. Buku log ini adalah **sah untuk tempoh dua (2) tahun dari tarikh sokongan dan perakuan akhir Pegawai Pembimbing (Mentor) yang terkandung di mukasurat 31**.
- 1.1.8. Tempoh validity buku log ini akan tamat sebaik mentee berjaya diterima mengikuti program MPH/DrPH **ATAU** calon telah digugurkan secara bertulis oleh Urusetia Penyelaras Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam.
- 1.1.9. Jikalau pelatih program ini telah melepasi tempoh sah (validity) penggunaan, mentee perlu memperbaharui buku log dan mendapat semula sokongan dan perakuan mentor.

1.2. BIMBINGAN MENTOR-MENTEE

- 1.2.1. Mentor adalah terdiri dari kalangan Pakar Perubatan Kesihatan Awam (PPKA) yang telah diwartakan. Setiap mentor dilantik secara rasmi oleh Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam di peringkat Ibu Pejabat KKM atau Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (KA) di peringkat negeri.
- 1.2.2. Mentee terdiri dari kalangan Pegawai Perubatan yang telah didaftarkan dalam Program Latihan Pra Kepakaran samada di peringkat IPKKM atau peringkat JKN.
- 1.2.3. **Hanya Pegawai Perubatan yang telah diperakui tamat tempoh Housemanship dengan jayanya dan telah berkhidmat dalam kerajaan sekurang-kurangnya selama '2 tahun secara berterusan sebagai Pegawai Perubatan' (tanpa putus perkhidmatan) sahaja yang boleh dipertimbangkan untuk menjadi mentee dan menjalani Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam.**
- 1.2.4. Untuk pengawasan yang sempurna, setiap mentor dibenar mengawasi dua (2) orang mentee pada sesuatu masa. Bilangan mentee melebihi 2 orang boleh dipertimbangkan mengikut kepentingan perkhidmatan.
- 1.2.5. Program Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam adalah bertujuan untuk:
 - Memberi pengalaman dalam bidang Kesihatan Awam (KA) sekurang-kurangnya selama 6 bulan.
 - Memenuhi penempatan berkaitan Kesihatan Awam (KA) mengikut jumlah minggu yang ditetapkan.
 - Mendapatkan sokongan dan perakuan secara objektif dari PPKA, bahawa calon layak untuk dipertimbangkan kemasukan ke Program MPH+DrPH.
- 1.2.6. Senarai nama mentor dan mentee perlu dihantar ke Cawangan Pembangunan Profesyen, Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM setiap enam (6) bulan bagi tujuan rekod.
- 1.2.7. Penggambilan Pegawai Perubatan sebagai mentee untuk Program Latihan Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam adalah dua (2) kali setahun, iaitu bulan Februari hingga Mei dan Julai hingga Ogos.
- 1.2.8. Kemasukan Pegawai Perubatan ke Program Latihan Kepakaran MPH+DrPH Intake September setiap tahun adalah tertakluk kepada:
 - Keputusan Peperiksaan Kemasukan (Conjoint Board Entrance Exam)
 - Keputusan Jawatankuasa Latihan Kepakaran Perubatan Kebangsaan
 - Keputusan Conjoint Kesihatan Awam Kebangsaan.

2. DATA PERIBADI PEGAWAI YANG DIBIMBING (MENTEE)

Nama : _____

No. MMC : _____

Umur : _____

Jawatan dan Gred : _____

Tempat Bertugas : _____

Telefon Bimbit : _____

Telefon Rumah : _____

Email : _____

Kelulusan Profesional : _____

: _____

: _____

: _____

Tarikh Pendaftaran Program Latihan : _____

PERAKUAN PENDAFTARAN OLEH URUSETIA PROGRAM LATIHAN PRA KEPAKARAN PERUBATAN KESIHATAN AWAM

Tandatangan Pegawai Penyelaras : _____
Program Latihan Pra Kepakaran KA : _____
Cop Jabatan : _____

Tarikh Perakuan : _____

(Penyelaras Pra Kepakaran Peringkat Negeri perlu menghantar senarai nama penuh pegawai pegawai di bawah seliaan masing masing kepada Sekretariat Kepakaran, BPKA KKM dengan prestasi terkini setiap enam bulan bagi tujuan rekod)

3. ARAHAN KEPADA PEGAWAI YANG DIBIMBING (MENTEE)

- a) Buku ini mengandungi tujuh (7) Modul yang terdiri dari aktiviti-aktiviti utama dalam Program Kesihatan Awam. Pegawai yang dinilai perlu melengkapkan kesemua modul. Walaubagaimanapun modul-modul ini boleh dilaksanakan tanpa perlu mengikut turutan tertentu. Setiap modul yang telah dilengkapkan perlu disahkan oleh mana-mana ketua seksyen/unit berkaitan sebelum dibuat pemarkahan oleh Pegawai Pembimbing (Mentor).
- b) Pegawai perlu berjumpa mentor sekurang-kurangnya setiap dua (2) bulan (**Lampiran 1**).
- c) Sekiranya pegawai ingin menarik diri dari Program Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam, ianya dilakukan dengan cara bertulis kepada penyelaras program.
- d) Pegawai yang berada di kawasan yang tiada Pakar Perubatan Kesihatan Awam (terutama yang berada di Sabah/Sarawak), perlu diselia oleh mana-mana Pegawai Perubatan yang mempunyai pengalaman dalam Kesihatan Awam. Seterusnya, pegawai perlu mendapatkan tanda tangan pengesahan (*countersign*) buku log ini dari Penyelaras Program Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam di Peringkat Negeri.

4. DATA PERIBADI PEGAWAI PEMBIMBING (MENTOR)

Nama : _____

Jawatan & Gred : _____

Tempat Bertugas : _____

Telefon Bimbit : _____

Telefon : _____

Email : _____

Tarikh Perwartaan PPKA : _____

Kepakaran (*sub-specialty*) : _____

5. ARAHAN KEPADA PEGAWAI PEMBIMBING (MENTOR)

A. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

1. Mengatur penempatan/*attachment* untuk mentee di unit-unit tertentu sama ada di peringkat daerah, negeri atau kementerian (mengikut kesesuaian) seperti berikut:
 - i. Pengurusan Kesihatan Awam - 4 minggu
 - ii. Kesihatan Keluarga - 6 minggu
 - iii. Kawalan Penyakit Berjangkit - 4 minggu
 - iv. Survelan Penyakit dan Bilik Gerakan - 2 minggu
 - v. Penyakit Tidak Berjangkit - 4 minggu
 - vi. Kesihatan Persekitaran - 2 minggu
 - vii. Kesihatan Pekerjaan - 2 minggu
2. Jika perlu, tempoh penempatan boleh ditambah, tetapi tidak dipendekkan. Penempatan ini bergantung kepada kreativiti mentor dan mentee tertakluk kepada keperluan perkhidmatan semasa.
3. Berbincang dengan ketua seksyen/unit berkaitan untuk mendapat maklumbalas tahap pematuhan dan kefahaman pegawai yang dinilai sepanjang penempatan yang dilalui.
4. Membuat pemarkahan bagi setiap penempatan setelah mendapat perakuan pengesahan ketua seksyen/unit sebaik selesai setiap penempatan.
5. Menyalurkan mesej Kesihatan Awam secara kerap dan berkala kepada mentee.
6. Memberikan dorongan kepada mentee untuk menghadiri perjumpaan berkala mentor-mentee di peringkat ibu pejabat KKM/negeri.
7. Memperkenalkan mentee secara bersemuka (*in-person*) dengan PPKA yang mempunyai reputasi baik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
8. Melibatkan mentee dalam program-program khas KA seperti seminar, kolokium, dsb.
9. Membimbing mentee membuat permohonan pengajian ijazah lanjutan MPH/DrPH.
10. **Memantau prestasi buku log Program Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam sekurang-kurangnya setiap dua (2) bulan. (Lampiran 1)**

B. KRITERIA PERAKUAN AKHIR PEGAWAI PEMBIMBING (MENTOR)

1. **Telah berdaftar** di dalam Program Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam **sekurang-kurangnya enam (6) bulan. Sekiranya Mentor membuat perakuan dan sokongan lebih awal dari tempoh 6 bulan, maka pihak Sekretariat Kepakaran, BPKA KKM berhak untuk menolak sokongan berkenaan.**
2. Calon didapati telah bersedia untuk menghadiri Conjoint Board Entrance Exam.

6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYELARAS PROGRAM LATIHAN PRA KEPAKARAN PERUBATAN KESIHATAN AWAM (PERINGKAT NEGERI)

- i. Penyelaras program membuka tempoh pendaftaran program sebanyak dua (2) kali setahun, iaitu bulan Februari hingga Mei dan Julai hingga Ogos, setiap tahun.
- ii. Penyelaras bertanggungjawab mengemaskini data calon dan menghantar reten ke Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam (Mac dan Ogos)
- iii. Penyelaras perlu mengemaskini data calon yang menarik diri dari program selewat-lewatnya pada bulan Oktober bagi memudahkan saringan kedua Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dapat dilakukan dengan lancar.
- iv. Penyelaras juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan program (latihan sangkut, lawatan, sesi pembelajaran dan lain-lain) untuk memastikan kesahihan program.

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYELARAS PROGRAM LATIHAN PRA KEPAKARAN PERUBATAN KESIHATAN AWAM (PERINGKAT IBU PEJABAT)

- i. Mengemaskini data calon sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun bagi melancarkan **Proses Saringan Kedua** dan seterusnya mengeluarkan surat jemputan Ujian Kemasukan dan Temuduga Sarjana Perubatan Kesihatan Awam (MPH/DrPH).
- ii. Penyelaras di Ibu Pejabat sebagai tempat rujukan untuk membantu penyelaras di negeri.

8. PERMARKAHAN

- i. Wajaran pemarkahan bagi setiap modul adalah seperti mana jadual di bawah.
- ii. Berikan markah sebaik tamat penempatan/*attachment* di setiap seksyen/unit berkaitan setelah mendapat input dari ketua seksyen/unit tersebut.
- iii. Membuat penjumlahan markah apabila selesai penempatan semua modul.

MODUL		MARKAH WAJARAN
1	PENGURUSAN KESIHATAN AWAM	10
2	PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA	30
3	PENYAKIT BERJANGKIN	15
4	SURVELAN PENYAKIT DAN BILIK GERAKAN	10
5	PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT	15
6	KESIHATAN PERSEKITARAN	10
7	KESIHATAN PEKERJAAN	10
JUMLAH		100

9. KRITERIA 'EXIT' DARI PROGRAM

- i. Pegawai yang telah berada di dalam Program Latihan Pra Kepakaran selama tiga (3) tahun dan masih gagal Entrance Exam, boleh dipertimbangkan untuk dikeluarkan daripada program, tertakluk kepada kapasti jumlah Pegawai Perubatan dalam Program Latihan Pra Kepakaran. Namun begitu secara peribadi pegawai Perubatan berkenaan masih boleh memohon kemasukan Tawaran Hadiah Latihan Persekutuan Sarjana Perubatan (termasuk MPH+DrPH) dengan menggunakan Buku Log sedia ada. Ini disebabkan Buku Log Latihan Pra Kepakaran masih valid selama dua tahun dari tarikh akhir perakuan dan sokongan oleh Mentor masing-masing
- ii. Pegawai yang telah berada dalam Program Latihan Pra Kepakaran selama dua tahun tetapi masih tidak memohon untuk melanjutkan pelajaran sehingga tahun kedua program latihan, akan dikeluarkan dari Program Latihan Pra Kepakaran kecuali atas sebab perubatan atau atas sebab perkhidmatan yang difikirkan munasabah.
- iii. Ulasan dari mentor yang menunjukkan calon tidak menunjukkan komitmen dan prestasi kemajuan latihan yang tidak memberangsangkan, juga melayakkan pegawai Perubatan berkenaan dikeluarkan dari program.
- iv. Lain-lain isu disiplin / masalah tatatertib juga akan menyebabkan Pegawai Perubatan berkenaan ditamatkan dari program latihan.

10. PENILAIAN MENGIKUT MODUL

MODUL 1: PENGURUSAN KESIHATAN AWAM

A. KEPERLUAN

1. Pendedahan sekurang-kurangnya untuk tempoh **empat (4) minggu**
2. Terlibat dalam pelaksanaan atau menghadiri aktiviti utama berikut:

Bil	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
1	STRUKTUR ORGANISASI DAN FUNGSI KESIHATAN AWAM (20) i. Meneliti struktur dan keperluan organisasi jabatan dan program di bawahnya ii. Satu (1) pembentangan struktur, fungsi dan program di bawahnya (boleh dibuat secara keseluruhan atau fokus kepada program-program tertentu)		
2	ASAS PERUBATAN KESIHATAN AWAM (20) Menjalankan satu (1) CME dari tiga tajuk yang diberikan diperingat Jabatan/Unit berkaitan: i. Prinsip asas Perubatan Kesihatan awam di Malaysia ii. <i>Social Determinants of Health</i> ATAU <i>Needs vs Demands of Health</i> iii. Penggunaan CPG		
3	HEALTH PROMOTION AND HEALTH EDUCATION (15) i. Menyediakan satu (1) bahan pomosi kesihatan di Jabatan/ unit ATAU ii. Membuat satu (1) sesi ceramah pendidikan kesihatan di Klinik/ Organisasi		

Bil	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
4	<p>PENGURUSAN STRATEGIK KESIHATAN (15)</p> <p>i. Penyediaan cadangan keperluan sumber untuk perkhidmatan kesihatan di Unit (Jabatan/Klinik/ Institusi) ATAU</p> <p>ii. Penyediaan cadangan penambahbaikan sistem penyampaian kesihatan di Unit/Jabatan ATAU</p> <p>iii. Penyediaan satu (1) laporan teknikal program Kesihatan Awam</p>		
5	<p>HEALTH ECONOMY AND FINANCE (10)</p> <p>i. Memahami asas-asas sistem pengurusan kewangan kesihatan</p> <p>ii. Terlibat di dalam penyediaan cadangan bajet untuk satu program kesihatan</p>		
6	<p>HEALTH QUALITY (10)</p> <p>i. Membuat pembentangan Program Kepastian Kualiti (NIA/DSA/KPI dsb.) ATAU</p> <p>ii. Menjalankan satu (1) kajian ringkas ketidakpatuhan standard kualiti kesihatan dan mencadangkan penambahbaikan.</p>		
7	<p>HEALTH LAW (10)</p> <p>i. Menyertai satu (1) sesi penguatkuasaan bersama pasukan penguatkuasaan kesihatan DAN</p> <p>ii. Pembentangan satu (1) CME mana-mana <i>Public Health Law</i> yang berkaitan di Malaysia</p>		
JUMLAH MARKAH ASAS			/100

B. PEMAHAMAN / OBJEKTIF

Pelatih dikehendaki mempunyai pengetahuan asas terdapat asas-asas perubatan Kesihatan Awam di bawah bimbingan Pegawai Pembimbing (Mentor). Perkara asas yang perlu difahami termasuklah beberapa prinsip asas sistem pengurusan kesihatan seperti berikut:

- i. Memahami struktur dan keperluan organisasi jabatan dan program di bawahnya
- ii. Memahami prinsip-prinsip asas perubatan Kesihatan Awam
- iii. Memahami keperluan asas penyediaan polisi kesihatan
- iv. Memahami proses penyediaan perkhidmatan kesihatan melalui pendekatan pengurusan sistem kesihatan strategik
- v. Memahami konsep asas promosi dan pendidikan kesihatan
- vi. Memahami konsep asas *health economy*
- vii. Memahami konsep asas *health finance*
- viii. Memahami asas-asas kepastian kualiti kesihatan serta mampu menjalankan kajian ringkas kepastian kualiti
- ix. Memahami prinsip asas perundangan berkaitan kesihatan di Malaysia dan menghayati keperluan perundangan berkaitan Kesihatan di dalam perkhidmatan kesihatan

C. KOMPETENSI

Pengesahan Penyempurnaan Penempatan di Seksyen/Unit	Tandatangan Ketua Seksyen/Unit (PPKA)	Tarikh

Markah						Tandatangan Mentor	Tarikh
Asas		/	100	X	10		
Wajaran							

MODUL 2: PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

A. KEPERLUAN

1. Pendedahan sekurang-kurangnya untuk tempoh **enam (6) minggu** di unit yang ada menjalankan aktiviti berkaitan Pembangunan Kesihatan Keluarga seperti unit Kesihatan Ibu dan Anak, *Expanded Scope MCH* (Kesihatan Sekolah, Wargaemas, Kesihatan Remaja, Kanak-Kanak Berkeperluan Khas, dsb.), Primer, Pendidikan Kesihatan dan Pemakanan.
2. Terlibat dalam pelaksanaan atau menghadiri aktiviti utama berikut:

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
1	<p>ORGANISASI SISTEM KESIHATAN LUAR BANDAR (20)</p> <ol style="list-style-type: none">i. Mengkaji sistem kesihatan luar bandar, kepelbagaian dan fungsi setiap fasiliti kesihatan semasa (seperti KK, KD, K1M dsb.) serta fungsi unit-unit utama berkaitan, penyampaian perkhidmatan Kesihatan Keluarga khususnya kesihatan ibu dan anak serta Kesihatan Primer.ii. Mengetahui jabatan luar atau NGO utama yang ada kepentingan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan keluarga dan pemakanan.iii. Memahami sistem rujukan pesakit di dalam Kesihatan Awam, antara Kesihatan Awam dan perubatan (hospital) serta antara pelbagai jabatan/NGO berkaitan.iv. Mengenalpasti dan mendalami sistem rujukan mana-mana satu jenis atau permasalahan pesakit.v. Membuat satu (1) pembentangan kepada ketua unit berkenaan berkaitan:<ol style="list-style-type: none">a. Carta organisasib. Sistem rujukan		

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
2	<p>PENGURUSAN PRESTASI PERKHIDMATAN KESIHATAN KELUARGA (20)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membuat analisa ringkas semasa sekurang-kurangnya satu (1) indikator/isu Kesihatan keluarga dan membentangkannya kepada ketua unit berkaitan. ii. Menganalisa mana-mana satu (1) ketidakpatuhan prestasi dan mencadangkan penambahbaikan kepada ketua unit. 		
3	<p>PENYIASATAN KES DI LAPANGAN (15)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjalankan penyiasatan sekurang-kurangnya satu (1) kes samada kematian ibu mengandung/bersalin (<i>maternal death</i>), <i>perinatal</i> dan <i>Under 5</i>, insiden <i>Adverse Event Following Immunisation</i> (AEFI), masalah pemakanan seterusnya menyediakan laporan dan membentangkannya kepada pasukan penyiasat atau ketua unit. ii. Menjalankan penilaian Kesihatan Masyarakat melalui lawatan ke rumah/Institusi bagi mana-mana kes terpilih seperti kanak-kanak kurang zat makanan (KZM), anak-anak atau ibu berisiko, seterusnya mengemukakan cadangan penambahbaikan dan laporan kepada ketua unit berkaitan. 		
4	<p>TEKNIKAL AUDIT (15)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjalankan sekurang-kurangnya satu (1) audit teknikal di KK/KD bagi memantau pelaksanaan program Kesihatan keluarga, Kesihatan Primer dan Pemakanan. ii. Menyediakan laporan hasil pengauditan berkenaan dan membentangkannya kepada ketua unit berkaitan. 		

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
5	<p>OUTREACH PROGRAM (15)</p> <p>i. Terlibat di dalam penyediaan perancangan mana-mana satu perkhidmatan seperti Kesihatan Sekolah, Klinik Bergerak, perkhidmatan kesihatan Orang Asli, Penjagaan Domisiliari, lawatan ke DTS/penjara dsb.</p> <p>ii. Mengikuti sekurang-kurangnya satu (1) sesi lawatan perkhidmatan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesihatan Sekolah ke mana-mana sekolah • Penjagaan Domisiliari • DTS/penjara atau Klinik Bergerak 		
6	<p>PEMAHAMAN KONSEP PEMAKANAN DALAM KESIHATAN AWAM (15)</p> <p>i. Terlibat di dalam Pelan Perancangan Pemakanan pesakit dan masyarakat</p> <p>ii. Terlibat dalam teknikal audit bagi sistem penyampaian makanan (<i>breastfeeding, re-feeding, bakul makanan dll.</i>)</p> <p>iii. Menyampaikan sekurang-kurangnya satu (1) sesi ceramah pemakanan kepada pesakit atau masyarakat.</p>		
JUMLAH MARKAH ASAS			/100

B. PEMAHAMAN / OBJEKTIF

Memahami secara asas perkara-perkara berikut setelah dinilai oleh mentor:

- i. Komponen-komponen perkhidmatan luar bandar, perbezaan antara penjagaan kesihatan *primary*, *secondary* dan *tertiary*.
- ii. Kepelbagaian jabatan, unit (*intra-* dan *interagency*) dan NGO yang berkaitan dan mempunyai kepentingan dalam pemberian perkhidmatan Kesihatan Keluarga dan Pemakanan
- iii. Sistem rujukan pesakit
- iv. Organisasi dan sistem pelaporan berkaitan aktiviti pembangunan Kesihatan Keluarga dan Pemakanan
- v. Kepentingan dan kegunaan statistic vital, tren dan keadaan terkini tahap kesihatan penduduk peringkat tempatan, kebangsaan dan global
- vi. Indikator-indikator dan KPI utama aktiviti Pembangunan Kesihatan Keluarga dan Pemakanan
- vii. Jadual pelalian kanak-kanak kebangsaan
- viii. Program Intervensi Kekurangan Zat Makanan (KZM), Pencegahan dan Kawalan Anemia di kalangan Ibu Mengandung, Program Pencegahan *Iodine Deficiency Disorder* (IDD), Hospital Rakan-Rakan Bayi, Program Promosi Pemakanan Sihat di Sekolah dan Perkhidmatan Rundingcara Pemakanan.
- ix. Kesesuaian penggunaan *International Electrotechnical Commission* (IEC) dan peralatan saringan untuk tujuan pemantauan dan promosi Pembangunan Kesihatan Keluarga dan Pemakanan

C. KOMPETENSI

Pengesahan Penyempurnaan Penempatan di Seksyen/Unit	Tandatangan Ketua Seksyen/Unit (PPKA)	Tarikh

Markah						Tandatangan Mentor	Tarikh
Asas		/	100	X	30		
Wajaran							

MODUL 3: PENYAKIT BERJANGKIT

A. KEPERLUAN

1. Pendedahan sekurang-kurangnya untuk tempoh **empat (4) minggu** mengenai surveilan dan kawalan penyakit-penyakit seperti TB, HIV/AIDS, penyakit bawaan vektor, penyakit cegahan vaksin, zoonotik, penyakit bawaan makanan dan air atau lain-lain penyakit berjangkit termasuk aktiviti kesihatan di pintu masuk antarabangsa
2. Terlibat dalam pelaksanaan atau menghadiri aktiviti utama berikut:

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
1	<p>ANALISA EPIDEMIOLOGI PENYAKIT BERJANGKIT (30)</p> <p>i. Meneliti sistem surveilan pelbagai jenis penyakit berjangkit seperti TB, HIV/AIDS, penyakit bawaan air dan makanan, penyakit bawaan vektor, penyakit zoonotik dan sebagainya dan membuat satu pembentangan CME berkenaan sistem ini. (10)</p> <p>ii. Membuat analisa situasi sekurang-kurangnya satu (1) jenis penyakit berkenaan dan membentangkan hasil analisa kepada ketua unit berkaitan. (10)</p> <p>iii. Menyertai sekurang-kurangnya dua (2) kali review berjadual mingguan atau bulanan epidemiologi penyakit berjangkit bersama dengan ketua atau wakil mana-mana unit penyakit berjangkit berkaitan. (10) Menyediakan laporan-laporan berikut.</p>		
2	<p>SIASATAN DAN PENGESANAN KES DI HOSPITAL DAN DI LAPANGAN (30)</p> <p>i. Menyertai siasatan di hospital dan lapangan tidak kurang dari dua (2) kes mana-mana penyakit berjangkit dan penyediaan laporan kes siasatan tersebut. (20)</p> <p>ii. Turut serta dalam aktiviti pengesanan kes secara aktif/pasif (ACD/PCD) dan pengesanan kontak bagi kes-kes yang disiasat dan membentangkan hasil siasatan</p>		

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
	kes-kes berkenaan kepada ketua unit berkaitan. (10)		
3	<p>SIASATAN RISIKO DAN MODIFIKASI PERSEKITARAN (20)</p> <p>i. Menyertai tidak kurang dari dua (2) sesi penyiasatan di lapangan seperti tempat tinggal/bekerja kes, pusat tahanan, pusat pemrosesan makanan dan sebagainya bagi menilai risiko kejadian penyakit. Antaranya adalah aedes survey, pemeriksaan tahap sanitari premis makanan, pengudaraan dan pencahayaan tempat bekerja dan penginapan dan sebagainya dan membentangkan hasil siasatan kepada ketua unit. (10)</p> <p>ii. Menyertai tidak kurang dari dua (2) sesi langkah penambahbaikan atau modifikasi persekitaran seperti pembinaan sistem bekalan air, tandas dan air limbah, pengasingan pesakit dan kontak, pemusnahan tempat pembiakan, <i>fogging/ULV, larviciding</i> dan sebagainya. (10) Satu (1) sesi CME.</p>		
4	<p>PENDIDIKAN KESIHATAN DI FASILITI DAN KOMUNITI (20)</p> <p>i. Menyampaikan tidak kurang dari satu (1) ceramah untuk sesi <i>Continuous Public Health Education (CPHE)</i> kepada petugas-petugas kesihatan di fasiliti atau di lapangan seperti ceramah, pengedaran IEC, pamiran berkaitan penyakit berjangkit. (10)</p> <p>ii. Melaksanakan tidak kurang dari satu sesi promosi dan pendidikan kesihatan di lapangan kepada masyarakat atau kumpulan berisiko (<i>people at risk</i>) berkaitan situasi penyakit serta peranan mereka</p>		

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
	dalam rawatan dan kawalan kes di lapangan. (10)		
JUMLAH MARKAH ASAS		/100	

B. PEMAHAMAN / OBJEKTIF

Memahami secara asas perkara-perkara berikut setelah dinilai oleh mentor:

- i. Sistem surveilans pelbagai jenis penyakit berjangkit di Malaysia
- ii. Organisasi kawalan TB/Kusta, pasukan berkaitan dengan kawalan denggi dan malaria
- iii. Langkah-langkah utama kawalan di komuniti mengikut jenis penyakit dan risiko yang dihadapi, termasuk jenis-jenis PPE dan bahan IEC yang disyor/digunakan
- iv. Sasaran, strategi dan aktiviti Eliminasi Malaria, Eliminasi Measles, Kawalan TB, Kawalan HIV, Eliminasi Filaria.
- v. Strategi, aktiviti dan indikator kawalan wabak denggi
- vi. Teknik kawalan vektor denggi dan malaria
- vii. Kepelbagaian sistem dan format pelaporan mengikut jenis penyakit
- viii. Mengetahui organisasi dan NGO yang ada kepentingan dengan kawalan penyakit berjangkit

C. KOMPETENSI

Pengesahan Penyempurnaan Penempatan di Seksyen/Unit	Tandatangan Ketua Seksyen/Unit (PPKA)	Tarikh

Markah					Tandatangan Mentor	Tarikh
Asas		/	100	X	15	
Wajaran						

MODUL 4: SURVELAN PENYAKIT DAN BILIK GERAKAN

A. KEPERLUAN

1. Pendedahan sekurang-kurangnya untuk tempoh **dua (2) minggu** di unit yang ada menjalankan kejadian berkaitan wabak penyakit berjangkit atau bencana seperti unit CDC, Survelan, KPAS dan sebagainya.
2. Terlibat dalam pelaksanaan atau menghadiri aktiviti utama berikut:

Bil	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
1	<p>SISTEM SURVELAN PENYAKIT (30)</p> <p>i. Mengkaji asas dan kegunaan sistem survelan penyakit berjangkit seperti e-Notifikasi, e-Wabak, EBS / Syndromic Notification, Infectious Intestinal Diseases (AGE), PUO dan sebagainya (10). Satu (1) pembentangan CME.</p> <p>ii. Sekurang-kurangnya satu kali menjadi urusetia <i>Weekly Epid Review</i> peringkat daerah, negeri atau kementerian (10). Perlu menyediakan laporan.</p> <p>iii. Meneliti sistem survelan penyakit antarabangsa atau pun membuat penempatan (<i>attachment</i>) di mana-mana pintu masuk antarabangsa sekurang-kurangnya satu hari (10). Satu Sesi CME.</p>		
2	<p>DISASTER PREPAREDNESS (30)</p> <p>i. Meneliti sekurang-kurangnya satu garispanduan pengurusan atau plan kesiapsiagaan wabak atau bencana dan membuat pembentangan kepada ketua unit berkaitan. Antaranya adalah Garispanduan Umum Penyiasatan dan Kawalan Wabak Penyakit Bawaan Air dan Makanan, <i>Influenza Preparedness Plan</i>, Garispanduan Pengurusan Banjir dan sebagainya (20). Satu sesi CME.</p> <p>ii. Terlibat dalam semakan inventori Bilik Gerakan atau CPRC seperti stock PPE, kenderaan, peralatan persampelan dan senarai petugas (10). Laporan ringkas program.</p>		

Bil	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
3	<p>PENGURUSAN SEMASA BENCANA (30)</p> <p>i. Terlibat dan menyediakan laporan ringkas dalam sekurang-kurangnya satu kali samada siasatan apa-apa wabak penyakit berjangkit di lapangan, penilaian risiko atau tahap keseriusan wabak/bencana bersama Pasukan <i>Rapid Assessment</i> (RAT) atau Pasukan <i>Rapid Response</i> (RRT) (20). Penyediaan laporan.</p> <p>ii. Meneliti jenis-jenis pelaporan (awal, harian/berkala dan laporan akhir) yang perlu dihantar ke peringkat atasan bagi apa-apa wabak atau bencana yang berlaku (5). Penyediaan laporan ringkas.</p> <p>iii. Menyediakan sekurang-kurangnya satu (1) kali laporan samada laporan awal dan/atau laporan harian/berkala wabak atau bencana, atau meneliti mana-mana laporan awal dan berkala wabak/bencana terdahulu yang telah disediakan dan membentangkannya kepada ketua petugas <i>Crisis Preparedness and Response Centre</i> (CPRC) atau ketua Unit. (5)</p>		
4	<p>PENGURUSAN SELEPAS BENCANA (10)</p> <p>i. Melibatkan diri dalam mesyuarat <i>post-mortem</i> atau menyediakan laporan akhir wabak atau bencana, atau meneliti mana-mana laporan akhir wabak/bencana terdahulu yang telah disediakan dan membentangkannya kepada ketua petugas CPRC atau ketua unit surveilan.</p>		
JUMLAH MARKAH ASAS			/100

B. PEMAHAMAN / OBJEKTIF

Memahami secara asas perkara-perkara berikut setelah dinilai oleh mentor:

- i. Senarai penyakit berjangkit yang perlu dinotifikasi (*Notifiable disease*) di bawah *CDC Act, Syndromic Notification, Lab Based Notification*.
- ii. Organisasi pengurusan dan *line of command* kejadian wabak/bencana peringkat daerah/JKN/KKM
- iii. Perbezaan antara endemik dan epidemik/wabak
- iv. Perbezaan antara pengesanan kes secara pasif (PCD-Passive Case Detection) dengan pengesanan kes secara aktif (ACD-Active Case Detection)
- v. Langkah-langkah penyiasatan wabak
- vi. Pelbagai jenis laporan wabak/bencana serta cara-cara penulisan, pembentangan dan penyebaran maklumat.

C. KOMPETENSI

Pengesahan Penyempurnaan Penempatan di Seksyen/Unit	Tandatangan Ketua Seksyen/Unit (PPKA)	Tarikh

Markah						Tandatangan Mentor	Tarikh
Asas		/	100	X	10		
Wajaran							

MODUL 5: PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

A. KEPERLUAN

1. Pendedahan sekurang-kurangnya untuk tempoh **empat (4) minggu** mengenai aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit NCD (diabetes, penyakit kardiovaskular, kanser dan penyakit respiratori kronik) dan faktor risiko penyakit NCD (merokok, makan secara tidak sihat, hidup yang tidak aktif, pengambilan alkohol secara berlebihan, kesihatan mental) di peringkat daerah atau negeri.
2. Terlibat dalam pelaksanaan atau menghadiri aktiviti-aktiviti utama berikut:

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
1	ANALISA SITUASI SETEMPAT (15) Melaksanakan dan membentangkan satu (1) analisa situasi faktor risiko penyakit-penyakit NCD berdasarkan data sedia ada.		
2	EVALUATING CURRENT COMMUNITY-BASED INTERVENTIONS (25) Penilaian satu (1) intervensi sedia ada yang sedang dilaksanakan di peringkat komuniti, mengenal pasti kekakangan dan cabaran, dan seterusnya membentangkan cadangan penyelesaian (contoh: boleh menggunakan platform KOSPEN, Panel Penasihat Klinik Kesihatan dsb.)		
3	EVALUATING CURRENT NCD MANAGEMENT AT PRIMARY CARE (25) Penilaian satu (1) intervensi sedia ada yang sedang dilaksanakan di klinik kesihatan, menggunakan <i>framework</i> sedia ada (contoh; <i>Chronic Care Model</i>), mengenal pasti kekakangan dan cabaran, dan seterusnya membentangkan cadangan penyelesaian.		
4	IDENTIFICATION AND PRIORITISATION OF INTERVENTION (15) Menyediakan satu (1) perancangan intervensi faktor risiko NCD bagi tujuan pelaksanaan jabatan.		

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
5	ADVOCACY – INTERNAL (20 markah) Menjalankan (1) program <i>Community Engagement</i> berdasarkan perancangan pelan intervensi yang dicadangkan.		
JUMLAH MARKAH ASAS		/100	

B. PEMAHAMAN / OBJEKTIF

Memahami secara asas perkara-perkara berikut setelah dinilai mentor:

- i. Struktur organisasi dalam penyampaian perkhidmatan dan aktiviti pencegahan, saringan, intervensi faktor risiko penyakit NCD dan rawatan penyakit NCD di peringkat klinik dan daerah (termasuk JKN jika berkaitan).
- ii. Epidemiologi dan beban faktor risiko penyakit NCD dan penyakit NCD setempat.
- iii. Strategi-strategi utama yang digunapakai bagi pencegahan dan kawalan penyakit NCD di Malaysia.
- iv. Intervensi-intervensi yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan beban dan prevalen faktor risiko penyakit NCD.
- v. Indikator-indikator dan sasaran NCD yang berkaitan.
- vi. Kemahiran asas bagi menilai secara kritikal aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bagi pencegahan dan kawalan penyakit NCD di peringkat setempat.

C. KOMPETENSI

Pengesahan Penyempurnaan Penempatan di Seksyen/Unit	Tandatangan Ketua Seksyen/Unit (PPKA)		Tarikh

Markah						Tandatangan Mentor	Tarikh
Asas		/	100	X	15		
Wajaran							

MODUL 6: KESIHATAN PERSEKITARAN

A. KEPERLUAN

1. Pendedahan sekurang-kurangnya untuk tempoh **dua (2) minggu** di unit yang ada menjalankan aktiviti berkaitan Kesihatan Persekitaran dan Kesihatan Pekerjaan.
2. Terlibat dalam pelaksanaan atau menghadiri aktiviti utama berikut:

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
1	ANALISA EPIDEMIOLOGI PERSEKITARAN (20) Terlibat dalam satu (1) analisa epidemiologi kejadian atau penyakit berkaitan Kesihatan Alam Sekitar (KAS). Sebagai contoh, keracunan pestisid yang disembur untuk dan taman atau bahan berjadual, <i>lethal congenital mortality</i> , <i>malformation</i> , banjir, jerebu. Menyediakan laporan penilaian tersebut.		
2	PENYIASATAN KES DI LAPANGAN (20) Menyertai satu (1) sesi penyiasatan / penilaian Kesihatan Persekitaran di lapangan bagi DTS/PLKN/Penjara/ Lokap/ Institusi dsb. dan membentangkan di CME jabatan.		
3	AUDIT TEKNIKAL (20) Menjalankan satu (1) audit keatas laporan <i>Detailed Environmental Impact Assessment/Health Impact Assessment</i> (DEIA/HIA) yang disediakan oleh pihak perunding, menyediakan dan membentangkan laporan audit tersebut kepada ketua unit.		
4	STANDARD KESIHATAN PERSEKITARAN ANTARABANGSA (20) Mengkaji dan membuat pembentangan satu (1) dokumen atau artikel rujukan berkaitan dengan konsep bagi Water, Sanitation and Hygiene (WASH)/ perjanjian antarabangsa melibatkan Kesihatan Persekitaran.		
5	HEALTHY SETTING (20) Memahami konsep <i>Healthy Workplace / Healthy Setting</i> dan menyediakan satu (1) cadangan pelaksanaan.		
JUMLAH MARKAH ASAS			/100

B. PEMAHAMAN

Memahami secara asas perkara-perkara berikut setelah dinilai oleh mentor:

- i. Organisasi dan sistem surveilans aktiviti Kesihatan Persekitaran
- ii. Epidemiologi penyakit-penyakit berkaitan persekitaran jangkitan TB, penyakit bawaan air, leptospirosis dan sebagainya.
- iii. *Healthy Setting*, organisasi pengurusan bencana alam
- iv. Hubungkait antara Bahagian Kesihatan Awam dengan Bahagian Kejuruteraan KKM terutama dalam pelaksanaan projek BAKAS dan Kawalan Mutu Air Minum.
- v. Jenis-jenis sistem bekalan air KKM, kumpulan sasaran dan cara pelaksanaan
- vi. Jenis-jenis sistem tandas, pelupusan air limbah dan pelupusan sisa pepejal KKM.
- vii. Teknik-teknik pembersihan sistem bekalan air yang dijalankan oleh KKM terutama pengklorinan telaga dan disinfeksi persekitaran
- viii. Indikator-indikator dan KPI utama aktiviti Kesihatan Persekitaran
- ix. Kepentingan *intra-* dan *interagency coordination*
- x. Kesesuaian penggunaan IEC di klinik dan komuniti berkaitan Kesihatan Persekitaran
- xi. Mengetahui organisasi dan NGO yang ada kepentingan dengan aktiviti Kesihatan Persekitaran.

C. KOMPETENSI

Pengesahan Penyempurnaan Penempatan di Seksyen/Unit	Tandatangan Ketua Seksyen/Unit (PPKA)		Tarikh

Markah						Tandatangan Mentor	Tarikh
Asas		/	100	X	10		
Wajaran							

MODUL 7: KESIHATAN PEKERJAAN

A. KEPERLUAN

1. Pendedahan sekurang-kurangnya untuk tempoh **dua (2) minggu** di FASILITI yang ada menjalankan aktiviti berkaitan Kesihatan Pekerja.
2. Terlibat dalam pelaksanaan atau menghadiri aktiviti utama berikut:

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
1	ANALISA EPIDEMIOLOGI (20) Terlibat dalam mana-mana satu (1) analisa epidemiologi kemalangan akibat pekerjaan atau penyakit berkaitan pekerjaan seperti penyakit paru-paru, penyakit kulit, <i>Noise-Induced Hearing Loss</i> (NIHL) dan keracunan pestisid atau kimia, menyediakan satu laporan dan membentangkan kepada ketua unit		
2	PENYIASATAN KES-KES KEMALANGAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN (15) Terlibat dalam menjalankan satu (1) siasatan kes-kes kemalangan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di kalangan anggota KKM menggunakan borang siasatan yang telah disediakan oleh Unit Kesihatan Pekerja (OH). Menyediakan laporan hasil siasatan tersebut.		
3	HEALTH AND SAFETY AUDIT (20) Terlibat dalam menjalankan satu (1) audit keselamatan dan kesihatan untuk fasiliti KKM menggunakan format audit yang telah disediakan oleh Unit OH dan membuat pembentangan.		
4	PERKHIDMATAN KLINIK KESIHATAN PEKERJAAN (15) Menjalankan sekurang-kurangnya satu (1) hari klinik kesihatan pekerja dengan menjalankan aktiviti-aktiviti klinik seperti: <ol style="list-style-type: none">i. Melakukan ujian spirometri dan audiometri.ii. Menyediakan laporan hasil ujian spirometri dan audiometri.		

BIL	AKTIVITI	MARKAH ASAS	TANDATANGAN PENERUSI / KETUA / PENGANJUR
5	HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL (HIRARC) (15) Memahami konsep HIRARC. Menjalankan aktiviti HIRARC di fasiliti terpilih dan menyediakan laporan hasil HIRARC yang dijalankan.		
6	UNDANG-UNDANG BERKAITAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI MALAYSIA (15) Mempelajari prinsip asas undang-undang yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia iaitu FMA 1967 dan OSHA 1994 menjalan satu (1) CME		
JUMLAH MARKAH ASAS		/100	

B. PEMAHAMAN / OBJEKTIF

Memahami secara asas perkara-perkara berikut setelah dinilai oleh mentor:

- i. Organisasi dan sistem surveilans aktiviti pekerjaan
- ii. Epidemiologi penyakit-penyakit berkaitan pekerjaan terutama *sharp injury* dan jangkitan TB di kalangan anggota kesihatan.
- iii. Indikator-indikator dan KPI utama aktiviti Kesihatan Pekerjaan
- iv. Kepentingan *intra-* dan *interagency coordination*
- v. Kesesuaian penggunaan IEC di klinik dan komuniti berkaitan Kesihatan Pekerjaan
- vi. Mengetahui organisasi dan NGO yang ada kepentingan dengan aktiviti Kesihatan Pekerjaan.

C. KOMPETENSI

Pengesahan Penyempurnaan Penempatan di Seksyen/Unit	Tandatangan Ketua Seksyen/Unit (PPKA)	Tarikh

Markah					Tandatangan Mentor	Tarikh
Asas		/	100	X	10	
Wajaran						

11. PEMARKAHAN KESELURUHAN

MODUL		MARKAH ASAS		MARKAH WAJARAN	
1	PENGURUSAN KESIHATAN AWAM		%		/10
2	PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA		%		/30
3	PENYAKIT BERJANGKIT		%		/15
4	SURVELAN PENYAKIT DAN BILIK GERAKAN		%		/10
5	PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT		%		/15
6	KESIHATAN PERSEKITARAN		%		/10
7	KESIHATAN PEKERJAAN		%		/10
JUMLAH					/100

12. PERAKUAN AKHIR PEGAWAI PEMBIMBING (MENTOR)

- Adalah disahkan bahawa Dr. _____
telah/belum* sempurna menjalani penempatan di pelbagai seksyen/unit Kesihatan Awam mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Beliau telah memperolehi markah wajaran terkumpul keseluruhan sebanyak %
- Beliau dengan ini diperakui **sesuai/tidak sesuai*** untuk dicalunkan bagi mengikuti pengajian pasca ijazah MPH/DrPH.

**Potong salah satu*

Pegawai Pembimbing / Mentor: _____ Tarikh: _____

Tandatangan & Cop:

PEGAWAI RUJUKAN

Bagi memudahkan pemantauan dan pelaksanaan program oleh mentor, berikut merupakan pegawai-pegawai yang boleh dihubungi bagi pertanyaan berkenaan program serta kandungan dokumen buku log ini.

Sekretariat:

Dr Zulhizzam Abdullah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
(Telefon: 03-88834006 atau email: drzul@moh.gov.my)

Pegawai Teknikal

(1) Modul Buku Log

Dr Wan Mansor Bin Hamzah
Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

(2) Modul Spesifik

- a. Pengurusan Kesihatan
Dr Ismuni Bohari
Jabatan Kesihatan WP Labuan
- b. Epidemiologi Penyakit Berjangkit
Dr Shaari Nagiman
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- c. Penyakit Tidak Berjangkit
Dr Noraryana bt Hassan
Bhg Kawalan Penyakit
- d. Kesihatan Keluarga
YBhg To' Puan Hjh Safurah bt Jaafar
Bhg Pembangunan Kesihatan Keluarga
- e. Kesihatan Persekitaran
Dr Sirajuddin b. Hashim
Bhg Kawalan Penyakit
- f. Kesihatan Pekerjaan
Dr Hj Daud bin Hj Abd. Rahim
Bhg Kawalan Penyakit

PENGHARGAAN PENYUNTING ASAL

BIL	NAMA	JAWATAN	TEMPAT BERTUGAS
1	Dr Wan Mansor Bin Hamzah	Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)	JKWPKL
2	Dr Othman Bin Warijo	Pegawai Kesihatan Daerah	PKD Putrajaya, WPKL/P
3	Dr Kamariah Binti Hussain	Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)	JKN Perlis
4	Dr Fatimah Binti Othman	Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)	JKN Johor
5	Dr. Zainudin Bin Mohd. Ali	Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)	JKN Negeri Sembilan
6	Dr Sha'ari bin Ngadiman	Ketua Sektor HIV/STI	KKM
7	Dr Anita Binti Sulaiman	Ketua Penolong Pengarah Kanan Sektor HIV/STI	KKM
8	Dr Mohd Safiee Bin Ismail	Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga	KKM
9	Dr Ghazali Bin Chik	Ketua Penolong Pengarah Kanan Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (KA)	KKM
10	Dr Harishah Binti Taib	Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Kawalan Penyakit	JKN Selangor
11	Dr Badrul Hisham Bin Abd Samad	Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Kawalan Penyakit (CDC)	JKN Johor
12	Dr Radziah Binti Mohamad	Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Kesihatan Keluarga	JKN Sarawak
13	Dr Jenarun Jelip	Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Vektor	JKN Sabah
14	Dr Syed Mud Puad Bin Syed Amran	Pegawai Kesihatan Daerah	PKD Larut Matang & Selama, Taiping, Perak
15	Dr Khalijah Binti Yusoff	Pegawai Kesihatan Daerah	PKD Tampin, Negeri Sembilan
16	Dr Amirullah Bin Md Arshad	Pegawai Kesihatan Daerah	PKD Kuantan, Pahang
17	Dr Uma Salamah Binti Abd Kadir	Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit	JKN Kedah
18	Dr Mohd Yusoff Bin Hashim	Pegawai Kesihatan Daerah	PKD Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
19	Dr Balkis Binti Abd Karim	Pegawai Kesihatan Daerah	PKD Kuala Terengganu
20	Dr Haniah Binti Yusoff (Setiausaha)	Ketua Penolong Pengarah NCD-MesVIPP	JKN Kelantan
21	Dr Faridah Binti Abu Bakar	Timbalan Pengarah Bahagian Bahagian Kawalan Penyakit	KKM

**Pemantauan Mentor-Mentee
Program Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam**

SESI 1	Tarikh Perjumpaan Mentor-Mentee: (Nyatakan Tarikh)	
Kemajuan Buku Log & Kemajuan Latihan: (Sila tulis)	Ulasan Mentor: (Sila tulis)	Tandatangan Mentor:

SESI 2	Tarikh Perjumpaan Mentor-Mentee: (Nyatakan Tarikh)	
Kemajuan Buku Log & Kemajuan Latihan: (Sila tulis)	Ulasan Mentor: (Sila tulis)	Tandatangan Mentor:

SESI 3	Tarikh Perjumpaan Mentor-Mentee: (Nyatakan Tarikh)	
Kemajuan Buku Log & Kemajuan Latihan: (Sila tulis)	Ulasan Mentor: (Sila tulis)	Tandatangan Mentor:

SESI 4	Tarikh Perjumpaan Mentor-Mentee: (Nyatakan Tarikh)	
Kemajuan Buku Log & Kemajuan Latihan: (Sila tulis)	Ulasan Mentor: (Sila tulis)	Tandatangan Mentor:

SESI 5	Tarikh Perjumpaan Mentor-Mentee: (Nyatakan Tarikh)	
Kemajuan Buku Log & Kemajuan Latihan: (Sila tulis)	Ulasan Mentor: (Sila tulis)	Tandatangan Mentor:

SESI 6	Tarikh Perjumpaan Mentor-Mentee: (Nyatakan Tarikh)	
Kemajuan Buku Log & Kemajuan Latihan: (Sila tulis)	Ulasan Mentor: (Sila tulis)	Tandatangan Mentor: